



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**19 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

#### **PKPD Kampung Nelayan, Batu 10, Sandakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Nelayan, Batu 10, Sandakan, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes di lokaliti ini apabila sebanyak 19 kes positif direkodkan hasil daripada 29 orang yang disaring dengan kadar positifiti 65.51%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Nelayan, Batu 10, Sandakan, Sabah pada 21 Jun 2021 sehingga 4 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

### **PKPD di Taman Merbau Utama, Mukim Bukit Jawa, Selising, Pasir Puteh, Kelantan**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Taman Merbau Utama, Mukim Bukit Jawa, Selising, Pasir Puteh, Kelantan.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes dalam tempoh satu minggu apabila sebanyak 41 kes positif telah direkodkan di lokaliti ini dengan kadar positifiti yang tinggi iaitu 17.7%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Merbau Utama, Mukim Bukit Jawa, Selising, Pasir Puteh, Kelantan bermula 21 Jun 2021 sehingga 4 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat saringan secara bersasar ke atas penduduk terlibat seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

### **PKPD Fasa 1 dan Fasa 2, Taman Digot, Penampang, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Fasa 1 dan Fasa 2, Taman Digot, Penampang, Sabah.

Sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah dikesan hasil saringan dilakukan oleh KKM di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Fasa 1 dan Fasa 2, Taman Digot, Penampang, Sabah berkuat kuasa 21 Jun sehingga 4 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

## **PKPD Kampung Rancangan Silabukan Peringkat 4, Lahad Datu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Rancangan Silabukan Peringkat 4, Lahad Datu, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak lapan (8) kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 40 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM di lokaliti tersebut.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Rancangan Silabukan Peringkat 4, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 21 Jun sehingga 4 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

## **Pelanjutan PKPD beberapa lokaliti termasuk empat (4) Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti termasuk empat (4) Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Lokaliti terbabit ialah:

- Rumah Panjang Bala anak Umba,
- Rumah Panjang Tulu anak Sli
- Rumah Panjang Duah anak Entingi
- Rumah Panjang Balik anak Gema
- Sekolah Kebangsaan (SK) St Luke
- Klinik Kesihatan Nanga Baoh

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 110 ujian saringan dan 48 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di beberapa lokaliti termasuk empat (4) Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak bermula 21 Jun sehingga 4 Julai 2021.

## **Penamatan PKPD FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 50 ujian saringan dan 14 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Umas 4, Kalabakan, Sabah pada 20 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 504 ujian saringan dan 43 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Gunung Senyum, Kuala Krau, Temerloh, Pahang pada 20 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove, Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, daerah LMS, Perak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove, Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, daerah Larut-Matang-Selama (LMS), Perak yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,596 ujian saringan dan 285 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Asrama Pekerja Kilang Eco Medi Glove, Jalan Tembaga Kuning, Mukim Taiping, daerah LMS, Perak pada 20 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Tanjung Batu Darat, Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tanjung Batu Darat, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 22 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 147 ujian saringan dan 21 daripadanya dilaporkan positif COVID-9.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tanjung Batu Darat, Tawau, Sabah pada 19 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD 3 perkampungan di Tawau, Sabah**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) perkampungan dalam daerah Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 20 Jun 2021.

Ketiga-tiga perkampungan tersebut ialah:

- Kampung Blok 31
- Kampung Sentosa, Blok 5 Hilltop
- Kampung Bukit Kukusan, Tanjung Batu

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 335 ujian saringan dan 28 daripadanya disahkan positif COVID-19 di ketiga-tiga lokaliti itu.

KKM mendapati terdapat trend penurunan kes dan tiada lagi sampel ujian menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga perkampungan seperti dinyatakan pada 19 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 104,228 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,722 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,467 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 718 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 663 individu dikompaun, 49 direman, manakala enam (6) lagi individu dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (148)
- Tidak memakai pelitup muka (132)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (122)
- Tiada penjarakan fizikal (103)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (78)
- Membawa penumpang berlebihan (53)
- Premis gagal patuhi arahan (12)
- Aktiviti pusat hiburan (2)
- Lain-lain (68)



## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 58 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas tiga (3) buah kenderaan darat serta tiga (3) buah bot/kapal.

Dalam operasi itu, sebanyak 21 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui tujuh (7) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 957 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 903 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 169 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 68 zon merah, zon jingga (6) dan zon kuning (6).

Operasi sanitasi ini melibatkan 923 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 211 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 167 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,302 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 752 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 228,951 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,283 individu telah dikuarantin dan 218,906 orang dibenarkan pulang manakala 2,762 lagi dibawa ke hospital.

## **Pemeriksaan Tapak Binaan**

Anggota Penguatkuasa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) membuat 123 pemeriksaan tapak binaan di seluruh negara, semalam. Hasil pemeriksaan mendapati, 19 tapak binaan beroperasi manakala 104 lagi tidak beroperasi.

Dalam pemeriksaan itu, CIDB mendapati 13 tapak binaan mematuhi SOP manakala enam (6) lagi diarahkan tutup. Secara keseluruhannya, CIDB sudah melakukan 19,365 pemeriksaan melibatkan 11,138 tapak binaan sejak 20 April 2020.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 742 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (579), pemborong (133) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,580 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,558 premis mematuhi SOP manakala 22 lagi dikompaun.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome**

**#AmalkanKawalanKendiri**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**